



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/05/59 (HQ)

LEBIH 30,000 SERTAII JOGATHON 1TNB

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyahut tema Hari Pekerja 2015 'Pekerja Sihat, Produktiviti Meningkat' dengan menganjurkan Jogathon 1TNB secara serentak di 77 lokasi di seluruh semenanjung hari ini.

Jogathon 1TNB ini disertai lebih 30,000 warga kerja dan keluarga dalam enam kategori antaranya veteran, dewasa dan pelajar sekolah sejauh 4 kilometer dan 2.5 kilometer.

Di peringkat ibu pejabat, acara turut disertai Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd serta barisan pengurusan tertinggi TNB yang lain.

Pelbagai acara turut diadakan bagi memeriahkan lagi majlis ini.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 9 Mei 2015

*Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit (019-2662296) /
Teng Yoon Soon (019-293 1228) / Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602)
media@tnb.com.my*